

Laporan penuh kebakaran sudah siap, akan didedahkan dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: Laporan penuh kebakaran yang memusnahkan lima kediaman di Flat Sri Sabah, Cheras di sini, sudah siap dan akan didedahkan dalam masa terdekat.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Mala-

ysia (JBPM) Kuala Lumpur, Muhammad Salleh Abdul berkata, laporan siasatan kes itu sudah dilengkapkan dan akan dibentangkan kepada jawatankuasa khas.

“Laporan sudah siap dan kita akan maklumkan se-

cara rasmi kepada media nanti.

“Laporan yang lengkap itu akan dibentangkan terlebih dahulu kepada jawatankuasa dalam tempoh dua minggu ini,” katanya dalam sidang media pada Majlis Pelancaran Task

Force Op Sri PA di Flat Sri Sabah, Cheras di sini, semalam.

Turut hadir Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin.

Dalam kejadian jam 9.30 malam, lima unit kedia-

man di blok 70 Flat Sri Sabah musnah dijilat api.

Tindakan pantas anggota JBPM Kuala Lumpur berjaya mengawal kebakaran daripada merebak ke rumah dan tingkat lain.

Malah, kejadian juga tidak membabitkan kema-

langan jiwa.

Susulan kejadian, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Allaudeen Abdul Majid dilaporkan berkata, siasatan polis mendapati tiada unsur jenayah membabitkan insiden kebakaran terbabit.